

Rakyat mesti bayar untuk gunakan jalan kelas satu

BH 5 SEP 1984

KUALA LUMPUR, Selasa — Rakyat harus bersedia untuk membayar tol jika mereka mahu kerajaan menggantikan jalan-jalan raya yang dibina sebelum perang dengan jalan-jalan kelas satu, kata Datuk Seri Dr Mahathir.

Menurut Perdana Menteri, adalah mustahil bagi kerajaan membina lebuhraya ekspres yang bermutu tinggi bagi mengurangkan kesesakan dan memberi keselesaan kepada pengguna-pengguna jalan jika tol tidak dikutip.

"Di manakah kita hendak dapat duit kalau kita tidak meniadakan tol. Kalau kita

suruh sektor swasta buat, dia mesti mengenakan tol," ujarnya ketika ditemubual dalam rancangan *Ehwal Semasa* RTM malam ini.

Beliau berkata, penggunaan jalan di negara ini bernasib baik kerana mereka hanya membayar lebih kurang dua atau tiga sen bagi setiap 1.6 kilometer apabila menggunakan Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban.

Katanya, di Jepun rakyat negara itu membayar hampir 30 sen setiap 1.6 kilometer untuk lebuhraya ekspres dan mereka mempunyai lebih kurang 80 juta kereta.

Datuk Seri Dr Mahathir bersetuju dengan cadangan supaya tol jalan dimasukkan dalam cukai petrol bagi memudahkan kutipan, tetapi, menurutnya langkah itu akan menyebabkan orang yang tidak menggunakan lebuhraya ekspres turut membayar cukainya.

"Bukan semua orang hendak gunakan lebuhraya. Jadi orang yang hendak gunakan hanyalah yang patut membayar.

"Kalau rakyat sanggup, kerajaan boleh menaikkan cukai, tetapi jangan bising. Kita kenakan cukai ke atas minyak, semua orang bising

kenapa kena bayar cukai?"

"Tetapi dari manakah kita hendak biayai jalan-jalan ini? Sebaliknya, kalau (rakyat) hendak, kerajaan akan hentikan pembinaan semua expressway. Tetapi jangan gaduh kalau kita hendak jalan tidak boleh kerana jalan sesak," tambah beliau dengan menyatakan bahawa bilangan kereta sekarang sudah meningkat dengan begitu pesat tetapi jalan yang ada masih jalan sebelum perang.

Perdana Menteri juga menjelaskan, Lebuhraya Timur-Barat mengalami kerosakan kerana kerajaan cuba mengurangkan perbelanjaan.

Sebenarnya, ujar beliau, lebuhraya itu sepatutnya dibina bukan dengan cara yang dilakukan sekarang iaitu dengan memotong, bukit dan membina jalan di tepi-tepi bukit.

"Sepatutnya diadakan satu jambatan masuk ke dalam gua, selepas itu menyeberang satu lagi lembah melalui jambatan, masuk ke dalam gua lagi, barulah boleh kita adakan jalan yang cukup kemas yang tidak akan runtuh dengan mudah."

Tetapi, perbelanjaan untuk jalan seperti itu mungkin tiga kali ganda daripada yang dibelanjakan sekarang, jelasnya.

Beliau juga menafikan wujud percanggahan pendapat antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Johor mengenai kutipan tol di negeri itu.

Katanya, beliau sendiri berbincang dengan Menteri Besar, Datuk Ajib Ahmad yang bersetuju supaya diadakan tol.

Hubungan

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan perlu mengadakan kutipan tol kerana ia mesti menjadi jalan untuk menegakkan satu cara hubungan antara Singapura dan Malaysia yang boleh meringankan sedikit kesesakan lalulintas di Tambak Johor.

Beliau juga menyatakan, kutipan tol di Jambatan Sultan Yahya Petra di Kelantan dihentikan selepas Barisan Nasional memenangi pilihanraya negeri itu kerana kerajaan sudah imendapat balik modal yang dikeluarkan.